

22/11/1997

Balung kini berubah wajah

Hadi Karim

BALUNG yang terletak di antara daerah Tawau dan Semporna tidak begitu dikenali ramai walaupun hasil koko dan ikan bilisnya terkenal di seluruh negara. Ini kerana sejak sekian lama, ia dianggap mundur dan ketinggalan.

Namun begitu, kawasan yang letaknya di pantai timur Sabah ini berubah wajah apabila beberapa projek pembangunan yang sedang dan akan diusahakan kerajaan serta sektor swasta, menjadi kenyataan.

Pembinaan padang golf 18 lubang dan resort Shan Shui bertaraf antarabangsa yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini adalah langkah awal menarik perhatian pelancong dalam dan luar negara berkunjung ke kawasan Balung.

Lapangan terbang antarabangsa Tawau yang baru bernilai RM200 juta yang sedang dalam pembinaan dijangka menjadi penggerak pembangunan ekonomi Balung apabila ia siap sepenuhnya menjelang tahun 2000.

Apabila siap kelak, ia dijangka mampu menarik minat pelabur asing melabur di koridor pantai timur yang terkenal sebagai potensi kejayaan kerjasama ekonomi dalam lingkungan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur-Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Indonesia (BIMP-EAGA) kerana kedudukannya strategik sebagai pintu utama pertumbuhan ekonomi.

Jika kerajaan meluluskan peruntukan untuk melaksanakan sistem jalan dua hala di Kilometer 19 Jalan Apas seperti diumumkan baru-baru ini, Balung sudah pasti dapat membangun dengan pesat.

Di Balung juga sebuah maktab perguruan pertama di kawasan pantai timur dicadang didirikan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Balung, Datuk Abdul Manan Jakasa, berkata pembangunan pesat bukan saja akan menukarkan imej Balung sebagai kawasan pertanian dan perikanan, malah turut meningkatkan ekonomi dan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Bagi memastikan pembangunan berjalan lancar, pihaknya melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan dan negeri berusaha menyediakan segala kemudahan asas untuk penduduk.

"Pembangunan tidak bermakna jika keperluan penduduk tidak disempurnakan. Namun kita berharap pembangunan yang dijangka banyak di Balung akan disertai dengan penyediaan kemudahan asas kepada penduduk," katanya.

Ketika ini kerajaan dalam proses mendirikan bandar kecil selain beberapa projek lain, termasuk memperbaiki dan memperbesarkan jalan raya dan menyalur bekalan elektrik ke segenap kampung.

"Kedua-dua projek berkenaan hampir 70 peratus siap dan kita berharap semua kawasan di Balung dapat dilengkapi kemudahan itu secepat mungkin.

"Sememangnya kerajaan berusaha menyediakan segala kemudahan untuk penduduk, namun kita perlu mengakui bukan semuanya dapat disediakan sekelip mata. Penduduk perlu bersabar kerana kerajaan amat prihatin terhadap masalah yang mereka hadapi," katanya.

Abdul Manan yang juga Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah berkata kekurangan bekalan air adalah masalah utama di Balung sehinggakan usaha mendirikan bandar kecil yang membabitkan kos RM4 juta terpaksa dilaksanakan secara berperingkat.

Bagi memastikan bandar kecil menjadi kenyataan, peringkat pertama menyiapkan 10 unit kedai dengan perbelanjaan RM1 juta kini giat dilaksanakan. Di bandar kecil ini juga disediakan balai polis dan balai bomba.

Kira-kira 20,000 penduduk di Balung menghadapi masalah akibat gangguan

bekalan air itu.

Dalam pada itu, Abdul Manan berkata sebanyak 200 unit rumah kos rendah sedang dibina di Kilometer 8 dan Kilometer 9.6 Jalan Apas bagi menampung keperluan penduduk di Balung, Tawau dan Semporna.

Mengenai pelancongan, beliau berkata Balung berpotensi dijadikan kawasan pelancongan dan pihaknya sedang mengenal pasti kawasan untuk dimaju.

(END)